

Bil. 14

Selasa
23 April 2019



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

Transaksi Tanah Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Jabatan Peguam Negara:

- i) YBhg. Tuan Tommy Thomas, Peguam Negara
Malaysia

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 23 APRIL 2019**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]	- <i>Pengerusi</i>
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]	- <i>Timbalan Pengerusi</i>
YB. Tuan Wong Chen [Subang]	
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]	
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]	
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]	
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]	
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]	
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]	
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]	
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah	- <i>Setiausaha</i>

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]

YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan Rakyat)]
Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Lee Jing Jing [Jurubahasa Serentak Kanan I (Jurubahasa dan Terjemahan, Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara (JAN)

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail [Pengarah Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit Prestasi II)]
Cik Nurnadiah binti Kamarudin [Penolong Juruaudit Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit Prestasi I)]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**

Encik Suhaili bin Ahmad [Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat dan Komunikasi)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)

Datuk Haji Abd Aziz bin Aban [Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan]

Tuan Wan Mohamad bin Wan Drahman [Ketua Cawangan Sektor Awam bahagian Pemeriksaan dan Perundingan]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Zuriyanti binti Abd Hamid [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)

Encik Khalid bin Mohamed [Timbalan Pengarah 1 Bahagian Bajet Pembangunan]

Puan Norzie Fariza binti Suid [Ketua Penolong Pengarah (Kerajaan Tempatan) Bahagian Perkhidmatan Sosial]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Ilyani binti Md Razak [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan (Unit Khas Laporan Ketua Audit Negara)]

Puan Suriati binti Samsudin [Ketua Penolong Pengarah Unit Cawangan Operasi Perkhidmatan/ Sektor OB/ Unit 4]

SAKSI**Peguam Negara Malaysia**

Datuk Siti Zainab binti Omar [Peguam Cara Negara II]

Puan Norhasmiza binti Othman [Peguam Kanan Persekutuan Bahagian Penasihat]

Cik Farhati binti Ahmad Tajuddin [Peguam Kanan Persekutuan Bahagian Penasihat]

Puan Hanisa binti Salehin [Peguam Kanan Persekutuan Bahagian Penasihat]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA

Selasa, 23 April 2019

Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.03 pagi

[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Pengerusi: Okey. *Bismillahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan selamat pagi. Kita dah boleh *proceed* sebab kuorum pun dah cukup. So, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli PAC Parlimen, Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah selaku Setiausaha PAC Parlimen merangkap Setiausaha Dewan Rakyat. Selamat datang kepada *ex-officio* PAC Parlimen yang terdiri daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih semua kerana hadir pada hari ini. *They are behind us. Thank you very much for being here today.* Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hari ini hari pertama saya mempengerusikan mesyuarat prosiding Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha Dewan Negara]: *Steady* wanita. [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Selepas dipilih oleh Ahli-ahli Majlis Dewan Rakyat melalui usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Khamis 11 April yang lalu. Terima kasih banyak, ianya telah diterima sebulat suara.

Saya ingin merekodkan dalam Hansard PAC Parlimen untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan terutamanya kepada Mantan Pengerusi PAC Parlimen Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee yang memegang jawatan ini selepas lapan bulan. Sepanjang lapan bulan itu Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berjaya menjalankan tugas sebagai Pengerusi PAC Parlimen dengan cemerlang dengan mengadakan lebih daripada 30 mesyuarat prosiding, mesyuarat *housekeeping*, taklimat dan mesyuarat pengesahan laporan.

Sepanjang tempoh itu juga PAC Parlimen sudah membentangkan dua laporan ke dalam Dewan Rakyat iaitu berhubung yang pertamanya projek naik taraf Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dan yang keduanya Pengurusan Marina Awam. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee juga mendapat kerjasama baik daripada semua Ahli Yang Berhormat PAC Parlimen

sepanjang mengendalikan mesyuarat prosiding PAC Parlimen. Sehubungan dengan itu, saya dengan rendah hati saya memohon sokongan serta kerjasama daripada semua Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen serta ex-officio PAC Parlimen sepanjang saya mengendalikan mesyuarat jawatankuasa ini. Adalah sangat penting untuk kita yang diberi mandat sebagai Ahli PAC Parlimen untuk menjalankan tugas dengan telus tanpa dipengaruhi dengan unsur kepartian kerana paling utama adalah demi kepentingan rakyat dan negara.

Yang Berhormat Ahli-ahli mesyuarat sekalian, sebelum kita memanggil saksi Jabatan Peguam Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk masuk bagi prosiding penjualan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, saya ingin memaklumkan beberapa perkara kepada jawatankuasa ini. Di dalam sampul kecil milik semua Ahli PAC Parlimen, Sekretariat PAC Parlimen ada meletakkan salinan laporan tuntutan tunggakan bayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang berjumlah RM19.4 bilion yang disediakan oleh Laporan Audit Negara dan diserahkan kepada PAC Parlimen pada 16 April baru-baru ini ataupun tahun 2019. Laporan berkenaan sangat penting kepada jawatankuasa ini dalam menyediakan laporan PAC berhubung isu tuntutan tunggakan bayaran balik GST berjumlah RM19.4 bilion.

Okey, semua adakan atas meja masing-masing? Okey, jadinya PAC Parlimen sudah menjalankan 16 prosiding serta taklimat berhubung isu ini. Saya berpendapat adalah penting untuk laporan ini dibentangkan ke dalam Dewan Rakyat dalam sidang Dewan Rakyat yang bermula 1 Julai depan. Selepas saya meneliti semua Hansard, *because I think all of you must have aware that* saya masuk tengah jalan dan saya tengok semua Hansard yang melibatkan isu ini dan saya ingin mencadangkan supaya jawatankuasa ini memanggil Akauntan Negara sebagai saksi untuk prosiding ini disebabkan mantan Menteri Kewangan Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak dengan jelas menyebut beberapa kali dalam keterangannya bahawa beliau dinasihatkan Akauntan Negara dalam membuat keputusan berhubung GST.

Jadinya keterangan daripada Akauntan Negara ini amat penting bagi PAC menyediakan satu laporan yang komprehensif serta tidak dipertikaikan mana-mana pihak. Itu yang saya kira sebagai *missing piece* terhadap persoalan keputusan yang dibuat mantan Menteri Kewangan ketika itu.

Jadinya Yang Berhormat semua saya ingin memaklumkan bahawa – saya ingin memaklumkan juga ini berkaitan perkara lain bahawa prosiding jawatankuasa ini bersama Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof iaitu Menteri Pembangunan Usahawan berhubung projek pembangunan *air mobility* di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan yang sepatutnya ataupun dijadualkan untuk berada pada petang ini jam 2.30 petang ditangguhkan kepada 9 Mei 2019 jam 10.30 pagi. Minta dinotakan.

Yang Berhormat Menteri ada menulis surat kepada Datuk Roosme binti Hamzah iaitu Setiausaha PAC pada 10 April memohon untuk menangguhkan prosiding berkenaan berikutan urusan rasmi yang tidak dapat dielakkan. Beliau telah mencadangkan tarikh 9 Mei 2019 untuk beliau hadir memberikan penjelasan dan juga keterangan. Saya bersetuju untuk prosiding berkenaan ditangguhkan ke tarikh yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli PAC dapat bersama dengan kita dalam prosiding yang akan datang ini.

Jadinya Yang Berhormat Ahli Mesyuarat sekalian, saya juga ingin memaklumkan bahawa jawatankuasa ini akan menerima kunjung hormat daripada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Bhutan pada 10 Mei jam 10 pagi. Saya harap semua Yang Berhormat, Ahli-ahli PAC dapat hadir dalam kunjung hormat ini.

■1010

Jadi, *you can put the date in your diary* dan kita akan memberikan taklimat kepada delegasi berkaitan berhubung PAC Parlimen. Jadi, saya rasa itu sahaja yang perlu saya sampaikan. Jadi, kalau ada apa-apa persoalan, pertanyaan ataupun cadangan daripada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen sebelum kita panggil saksi yang pertama masuk. Jadi, terima kasih banyak kepada semua.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, minta pencerahan. So untuk *next step* untuk GST yang memanggil Ketua Akauntan Negara adalah pada 9 Mei? *Can we...*

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Kita belum *decide*...

Tuan Wong Kah Woh: Belum *decide* lagi?

Tuan Pengerusi: Kita belum *decide*. Jadi, kita boleh— Kalau kita panggil dia *on the 9th*, *then* kita panggil dia *on the 9th*.

Tuan Wong Kah Woh: Ya, sebab *I think* jika Menteri, Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof sebelah pagi, *then we can do it in the afternoon*. *The 10 days' notice* pun cukup, memang cukup.

Tuan Pengerusi: Cukup notis *14 days* ya? Okey. Boleh ya? Semua boleh mesyuarat? *[Disampuk]* Okey, ahli mesyuarat. Okey.

Tuan Wong Chen [Subang]: *At 2.30 pm?*

Tuan Wong Kah Woh: *At 2.30 pm?*

Tuan Pengerusi: Ya. Ini sebab dia pagi, jadi kita buat petang-lah. Jadinya *the whole day* kita ada di sini. *On the 9th May. Is it okay?* *[Disampuk]* Yang Berhormat Kluang?

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Pagi? Waktu pagi?

Tuan Pengerusi: *No, because we are going to have the whole day punya session because we are going to have the Minister of Kementerian Pembangunan Usahawan datang, jadi on the same day itu elok juga kita panggil Akauntan Negara.*

Tuan Wong Kah Woh: Yes, sebelah petang.

Puan Wong Shu Qi: Menteri sudah tentu...

Tuan Pengerusi: *Confirmed.*

Puan Wong Shu Qi: Waktu pagi dia boleh datang?

Tuan Pengerusi: Dia sudah beri surat.

Datuk Roosme binti Hamzah: Dia *requested.*

Tuan Pengerusi: Dia yang minta kepada kita.

Puan Wong Shu Qi: Saya cuma risau mungkin nanti Menteri akan minta tunda lagi kerana kalau tidak silap *info* saya, hari itu ada *ceremony* untuk menyambut ulang tahun satu tahun Pakatan Harapan.

Tuan Pengerusi: Oh, yakah? Boleh kita *check* semula tidak ini?

Puan Wong Shu Qi: Di Putrajaya.

Tuan Pengerusi: Encik Johan, *can you please check on this date?*

Tuan Wong Kah Woh: Betul, betul. Ada, ada. *Luckily you remind me.*

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Roosme binti Hamzah: *Same day* Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi: Betul sama tarikh kah, 9 hari bulan?

Tuan Wong Kah Woh: *So*, hendak *join* kita?

Tuan Pengerusi: *Aiyo, you. [Ketawa]* Okey, begini. Kita minta supaya Ketua Sekretariat berhubung semula dengan pejabat Menteri dan kita minta juga kalau misalannya dia bagi pagi punya tarikh, petang kita panggil Akauntan Negara. *Make it on the same day. Is it okay* ahli mesyuarat? Ya. Boleh ya Encik Johan ya? Akan tetapi kena buat sesegera yang boleh supaya semua maklum dan kita boleh masukkan dalam diari kita. *So that, all of us can hadir.*

Tuan Wong Kah Woh: Okey. Akan tetapi...

Datuk Roosme binti Hamzah: Ulang tahun itu *what time?*

Tuan Wong Kah Woh: *What time* Yang Berhormat Kluang? *The whole day?*

Tuan Pengerusi: *I tak tahu ya. Maknanya... [Ketawa]*

Puan Wong Shu Qi: *Morning PICC...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Morning PICC.*

Puan Wong Shu Qi: Ya. Petang itu berbuka puasa.

Tuan Pengerusi: Oh! Itu puasa *already*?

Puan Wong Shu Qi: Ya.

Datuk Roosme binti Hamzah: Puasa *ma*.

Puan Wong Shu Qi: Tarikh 6 Mei masuk Ramadhan.

Tuan Pengerusi: *You* jangan makan sebelah / okey. *[Ketawa]*

Tuan Wong Kah Woh: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: *So*, tengok sahajalah. Tidak apalah, puasa lebih banyak pahala lagi *ma*. Orang tidak boleh cakap tidak betul.

Datuk Roosme binti Hamzah: *Oh I see*. Akan tetapi Menteri pun kena pergi-lah.

Tuan Pengerusi: Ya, Menteri kena pergi juga kecuali dia sudah hendak keluar dari Pakatan Harapan.

[Ketawa]

Datuk Roosme binti Hamzah: Mungkin dia punya...

Tuan Pengerusi: Okey. Untuk makluman, kita *just do that*. Kita minta Encik Johan untuk tolong kita. Terima kasih semua.

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi: *But if Menteri cannot, then we still proceed on the 9th?*

Tuan Pengerusi: Maksud dia?

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi: Akauntan Negara.

Tuan Pengerusi: Tidak, tidak. Kita buat sama hari. Ini sebab mungkin Akauntan Negara pun kena hadir juga ke sana.

Datuk Roosme binti Hamzah: Tidak. Apa yang penting...

Tuan Pengerusi: *I don't know*.

Tuan Wong Kah Woh: *It is political event*.

Datuk Roosme binti Hamzah: Ya-lah, itu *political event*.

Tuan Pengerusi: *Oh, political event*.

Datuk Roosme binti Hamzah: *Political event*, tidak bolehlah.

Tuan Pengerusi: Oh, itu bukan kerajaan punya *event*?

Datuk Roosme binti Hamzah: *Political*, Pakatan Harapan.

Tuan Pengerusi: Ini sebab *celebration of one year* Pakatan Harapan *will be national* punya *event* apa, *you all* punya *event*. Okeylah, *never mind*. Kita minta— Kita tidak payah...

Tuan Wong Kah Woh: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Kita *check* dengan *Minister and then after that*, *you* buat panggil Akauntan Negara *on the same day*. *Alright, thank you very much. Thank you very much.*

[Saksi dari Jabatan Peguam Negara mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Selamat pagi, salam sejahtera saya ucapkan terutamanya kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen, sekali lagi Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah dan semua *ex officio* PAC Parlimen yang hadir pada hari ini. Yang Berhormat dan ahli-ahli mesyuarat sekalian, pagi ini PAC Parlimen akan meneruskan mesyuarat prosiding berhubung penjualan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. PAC Parlimen telah memulakan mesyuarat prosiding berhubung isu ini sebenarnya pada 4 April 2019 dengan memanggil Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd Samad selaku Menteri Wilayah Persekutuan. Hasil daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri, jawatankuasa ini berpendapat perlu untuk memanggil Peguam Negara dan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) secara berasingan bagi memberikan penjelasan dan juga keterangan.

Jadi pada hari ini, jawatankuasa akan mendengar terlebih dahulu penjelasan daripada Peguam Negara, Yang Berbahagia Tuan Tommy Thomas dan selepas itu, Parlimen pula akan memanggil Yang Berbahagia Dato' Sri Mohd Shukri Abdull. Walau bagaimanapun, PAC Parlimen dimaklumkan bahawa Yang Berbahagia Tuan Tommy Thomas tidak dapat hadir dalam prosiding hari ini dan diwakili dengan Yang Berbahagia Datuk Siti Zainab binti Omar selaku Peguam Cara Negara II yang hadir di hadapan jawatankuasa ini.

Jadi Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, saya ingin merekodkan dalam *Hansard* Parlimen bahawa saya amat kesal dengan ketidakhadiran Peguam Negara pada hari ini memandangkan notis panggilan mesyuarat prosiding telah ditandatangani oleh Yang Berbahagia Datuk Roosme iaitu Setiausaha PAC merangkap Setiausaha Dewan Rakyat yang telah dihantarkan ke pejabat beliau pada 9 April 2019. Sekretariat PAC Parlimen hanya dimaklumkan secara lisan berhubung ketidakhadiran Peguam Negara pada hari Khamis lalu dan menggantikan dengan Peguam Cara Negara II. Jadi dalam waktu yang sama, saya juga faham bahawa Peguam Negara perlu hadir ke mahkamah berhubung satu kes pembicaraan berprofil tinggi.

Walaupun bagaimanapun pada saya, beliau seharusnya menghantar surat rasmi kepada kami berhubung ketidakhadiran kepada Setiausaha PAC dan mencadangkan satu tarikh yang beliau dapat hadir di hadapan jawatankuasa ini. Jadi Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, saya berpendapat jawatankuasa ini mendengar dahulu penjelasan dan keterangan daripada Peguam Cara Negara II. Sekiranya kita tidak berpuas hati dan berpendapat bahawa Peguam Negara perlu juga hadir, saya akan meminta satu tarikh ditetapkan bagi prosiding membabitkan Peguam Negara. Jadi sehubungan dengan itu, tanpa membuang masa, saya

mempersilakan Yang Berbahagia Datuk Siti Zainab binti Omar untuk memberikan penjelasan dan keterangan berhubung mesyuarat prosiding pada hari ini. Terima kasih. Dipersilakan Yang Berbahagia Datuk.

Datuk Siti Zainab binti Omar [Peguam Cara Negara II, Jabatan Peguam Negara]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pertama sekali saya memohon maaf. Sebenarnya memang Yang Berbahagia Peguam Negara sendiri ingin hadir, tetapi disebabkan kes mahkamah yang sememangnya kadang-kadang tidak dijangka dia punya tarikh, jadi beliau tidak dapat hadir dan telah mewakilkan saya sendiri untuk hadir. Saya sememangnya bersama dengan beliau dalam mengendalikan kes-kes yang melibatkan perkara yang kita akan bincangkan. Jadi, beliau merasakan adalah saya boleh memberi apa-apa penjelasan yang diminta dalam PAC ini.

■1020

Jadi, sekali lagi, kami memohon maaf. Kadang-kadang memang tidak dapat dielakkanlah untuk memaklumkan terlebih awal. Walaupun kami akur Parlimen telah memaklumkan lebih awal tetapi tarikh perbicaraan ini agak sukar kita tentukan, ia terpulang kepada mahkamah. Ya, baik.

Yang Berhormat Ahli-ahli PAC ya, mengenai transaksi ya— saya terus dengan transaksi yang kita akan bincangkan ini. Jabatan Peguam Negara, kami sedia maklum bahawa dari segi latar belakangnya, pada mulanya, terdapat 97 kes yang melibatkan penjualan tanah DBKL dan sedia maklum bahawa kementerian telah menubuhkan satu pasukan petugas, *task force* yang telah bersidang.

Walau bagaimanapun, penglibatan Jabatan Peguam Negara ini hanyalah pada bulan Oktober 2018 sebagai jemputan sahaja. Itu pun kami dimaklumkan oleh Penasihat Undang-undang Kementerian Wilayah mengenai perkara yang telah diambil tindakan oleh Kementerian Wilayah. Jadi, wakil Jabatan Peguam Negara hanya hadir pada mesyuarat-mesyuarat yang diadakan pada 2 Oktober 2018, 4 Oktober 2018, 11 Oktober 2018 dan 8 November 2018.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Tuan Pengerusi.

Datuk Siti Zainab binti Omar: Ya.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Boleh saya dapatkan penjelasan? Istilah tadi sebagai turut hadir ataupun sebagai Jawatankuasa? Sekali lagi saya hendakkan kepastian.

Datuk Siti Zainab binti Omar: Kami bukan sebagai Ahli Jawatankuasa, hanya turut hadir sahaja.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Memang disebutkan begitu?

Datuk Siti Zainab binti Omar: Memang hanya jemputan sahaja. Begitu di Kementerian Wilayah. Sebab, pada masa itu pun kami difahamkan terdapat juga keputusan-keputusan dan

rundingan yang telah dibuat oleh Kementerian Wilayah yang tidak melibatkan Jabatan Peguam Negara.

Tuan Pengerusi: Masa surat itu— minta maaf. Masa surat itu dihantar untuk menjemput pihak AG untuk sama hadir, surat itu tarikh dia bila?

Datuk Siti Zainab binti Omar: Hanya e-mel sahaja yang dimaklumkan. Itu pun daripada Penasihat Undang-undang di Kementerian Wilayah. Penasihat Undang-undang ini adalah juga pegawai Jabatan Peguam Negara yang ditempatkan ya, kader di Kementerian Wilayah.

Tuan Pengerusi: E-mel itu ingat tarikh dia bila?

Datuk Siti Zainab binti Omar: 29 September.

Tuan Pengerusi: Oh, 29 September.

Tuan Wong Chen: *Chairman...*

Tuan Pengerusi: Yes, silakan.

Tuan Wong Chen: Okey, terima kasih. Datuk Siti, maknanya Menteri tidak jemputlah. Sebenarnya *your own department officer asked you to attend. Is that true?*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *Well, I would say that because the way the structure for our officers' work, they normally report to us whatever matters of public interest, right? And because the legal advisors they normally still come back and are answerable to AG's Chamber, so it is our own initiative actually from the legal advisor to inform us that it is a matter of public interest and that she has actually informed us and we feel duty bound, since she is our officer, to actually attend.*

Tuan Wong Chen: *So, for the record, who attended on behalf of the AG Office? Understand that you have a system of prosecution and also Federal Council, right?*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *So at the moment, we do not involve any prosecution, we do not see any criminal element yet. And normally meeting at ministries would be attended by the Advisory Division and actually the officer who had attended are with me today.*

Tuan Wong Chen: *So, these are the three officers?*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *Yes, they attended.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Dengan kata lain, Pejabat AG merasakan bahawa perlu anggota daripada Pejabat AG untuk menjadi anggota dalam Jawatankuasa JTTMDBKL, begitu?

Datuk Siti Zainab binti Omar: Kami bukan merasakan— kami tidak dijemput sebagai anggota Jawatankuasa, tetapi sebagai penasihat kepada kerajaan, kami rasa sepatutnya kami berada di situ dan memberi apa-apa nasihat yang mungkin berbangkit daripada apa yang dibincangkan dalam mesyuarat.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Okey, apa tujuan terlantiknya PUU yang dipinjamkan ke kementerian-kementerian? Apakah mereka tidak dapat menampung tugas itu?

Datuk Siti Zainab binti Omar: Seharusnya mereka boleh menampung tetapi dalam kes-kes yang melibatkan kepentingan awam dan dalam perkara ini kami kira ia adalah satu perkara yang melibatkan kepentingan awam, jadi selalunya pihak ibu pejabat di Jabatan Peguam Negara akan membantu malah mungkin mengetuai apa-apa nasihat yang perlu diberikan disebabkan kepentingan awam dan *national interest* juga mengenai perkara yang dibangkitkan.

Tuan Pengerusi: *So, in short, you feel that this is a national interest?*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *From the report, from what we have seen and what is reported in news, media and, you know, it is all a public knowledge that there are these inquiries or task force. So, we do feel that. And also, I think it is dibangkitkan at forum of meeting. So, we feel that we should be there.*

Tuan Wong Chen: *Chairman, just a question. Datuk Siti, you said earlier that some events happened first, therefore it triggered your interest or at least triggered your officer to report to you. So, are you saying that some deals were concluded and then it came to your knowledge, therefore you started participating on October 2nd?*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *From the report that were received, there were already sittings of the Committee to look at all the, perhaps, dubious land transactions. But we do not know exactly what they were or how far they were. We were just reported that there were these meetings and, you know, certain steps wanted to be taken. That's all.*

Tuan Wong Chen: *On 2nd October, hasn't been any deals concluded prior to your first involvement on—I mean, I recorded down that the first meeting you attended at least from the HQ side was 2nd October, right? So, by the time you got to date on 2nd October, has any deal concluded between the ministry and the developers or, you know, suspected shenanigan of the developers?*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *When we attended, there were—the officers had been informed or rather when we participating, we found that some negotiation is already started. So, there are work in progress basically. So, there are some deals being made, some negotiations are being done. So, you know, those were the progress of works. That's all.*

Tuan Wong Chen: *But none from...*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: *Ya, as follow-up. Ya, Chairwoman. Persoalan saya, Datuk, tadi disebut bahawa Datuk hanyalah hadir selaku pemantau, observer lah, observer, jemputan. Maka, ada tidak in any particular point in time where the AG Chambers actually requested to be officially placed in the Committee or were it sufficient through the*

Penasihat Undang-undang? *I just want to understand the structure and in terms of the limits of your powers or limits of your advisory role lah.*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *As the advisor to government, normally it would be up to the ministry who will actually decide whether they want us to be actually part of it or is it sufficient that, you know, we are just being members. So, we do not insist or we do not impose ourselves but we are there to help with any legal advice.*

Tuan Pengerusi: *Okey. Jadinya, Datuk, when I asked you earlier, you feel that you should be there. I mean you feel, your side feels that it is necessary for you to be there sebab ia berkepentingan awam. But now you mention that bila berada di situ, ia lebih kepada you feel but you tidak— my soalan adalah adakah pihak Datuk, from your office, ada request secara official ataupun berbincang secara rasmi dengan Yang Berhormat Menteri untuk hadir sebagai ahli mesyuarat dalam perkara ini?*

■1030

Datuk Siti Zainab binti Omar: *Tiada. Kami tiada membincang. Kami hanya dijemput dan kami hadir— we don't insist on this. Because... [Disampuk]*

Tuan Pengerusi: *Did you make any suggestion at all?*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *No. Because you see, whatever ministry, is actually policy decisions. What they want to do with certain matters are matter of policies. We can only advise. So, we don't impose our views. They were in normal government business. Sometimes, our advice is not being, you know take in consideration. So, we are only there as an advisor.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Chairman, sekali lagi Datuk Siti. Kalau saya hendak bertanya, adakah sebenarnya bahawa Menteri tidak wajib ataupun tidak mesti untuk melantik dalam komiti yang dibentuk itu dari pejabat AG?*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *Ya, tiada.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Setuju dengan saya?*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *Ya.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Terima kasih.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: *Lagi satu. Minta maaf. Datuk tadi ada sebut mengenai 97. Walau bagaimanapun, kita mendapat makluman bahawa sebab kita hari ini ada dua prosiding. Kita dapat makluman mengenai yang SPRM komen hanya 64 lot tanah. So kenapa pada pandangan Datuk daripada pihak AG, mengapa 97 versus 64 ini? Terima kasih.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Datuk Siti Zainab binti Omar: *I think the 97—* saya difahamkan yang 97 itu hanya inisiatif daripada kementerian sendiri untuk melihat semula semua transaksi yang perlu dilihat dan dikaji semula. Sebanyak 64 itu adalah perkara yang telah dilaporkan oleh Yang Berhormat. Akan tetapi, kami pun tidak lihat semua 64 itulah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Datuk dah habis kah, belum kah atau ada apa lagi hendak?

Datuk Siti Zainab binti Omar: Saya hanya ingin maklumkan. Selepas Mesyuarat yang di hadir dekat itu. Kami dapati hanya 20 yang telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara. Dalam kes yang dirujuk itu, kami telah cuba meneliti daripada fakta-fakta yang diberikan dan satu mesyuarat telah diadakan oleh Yang Berbahagia Peguam Negara sendiri dengan DBKL yakni bahagian undang-undang serta penasihat undang-undang Kementerian Wilayah. Di mana kami cuba untuk meneliti sama ada kemungkinan mungkin tindakan sivil boleh diambil terhadap transaksi berkenaan. Memandangkan DBKL merupakan satu badan pertubuhan perbadanan atau *body corporate*. Jadi, dia boleh melantik peguam sendiri yakni peguam swasta. Jadi, berdasarkan pengalaman daripada Yang Berbahagia Peguam Negara sebagai *private lawyer*, jadi beliau telah mencadangkan supaya diambil peguam luar *Shearn Delamore* dari firma yang besar... *[Disampuk]*

Tuan Wong Kah Woh: Siapa yang mencadangkan? *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Siti Zainab binti Omar: Peguam Negara sendiri. Untuk meneliti perkara ini. Sebab kalau ada kes yang perlu dibawa ke mahkamah jadi ia boleh diambil oleh peguam swasta itu bukan Jabatan Peguam Negara. Akan tetapi, kami sebagai memandangkan kepentingan awam, jadi kami bantu. Jadi, kami telah mengadakan mesyuarat... *[Disampuk]*

Tuan Wong Kah Woh: Maaf Datuk. Berkenaan dengan isu cadangan daripada AG untuk mengambil tindakan sivil. Boleh tidak Datuk Siti untuk huraikan dengan lebih lanjut apakah *what is the cause of action and all this thing* dan apakah sebenarnya nasihat daripada AG *and what has been done? Thank you.*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *I'm going there. [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Wong Kah Woh: *Okay, thanks.*

Datuk Siti Zainab binti Omar: Okey. Masih latar belakang. *[Ketawa]* Mukadimah panjang lagi. *Actually, we work with the private lawyer. So, AG like I said AG has recommended the lawyers. So, kita telah banyak kali meminta. Sebab the documents are with DBKL. So, we have to get from DBKL's documents and we only managed to get some documents and we had another meeting with Shearn Delamore on 28th January to discuss apa pandangan daripada Shearn*

Delamore mengenai, berdasarkan dokumen-dokumen yang telah diperoleh daripada DBKL. Jadi, *Shearn Delamore* pada masa itu telah menasihatkan bahawa terdapat kemungkinan boleh mendapat kembali, *recovery of land* untuk 10 transaksi dan tujuh untuk tuntutan ganti rugi.

Saya nyatakan tadi ada 20 kes kan? Akan tetapi, dari *Shearn Delamore* hanya dapat menilai dalam 17 kes kerana tiga kes lagi mereka ada *conflict of interest*. Jadi, Tuan Peguam Negara telah mencadangkan juga satu firma lain untuk meneliti tetapi kami tidak dapat apa-apa laporanlah mengenainya.

Tuan Pengerusi: Firma lain yang dimaksudkan itu ada nama dia?

Datuk Siti Zainab binti Omar: Firma *Sreenevasan Young*.

Tuan Wong Chen: *Sreenevasan Young*. [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Siti Zainab binti Omar: Yes. Robert Lazar I think was too.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: So, the cost— maaf *Chairwoman*. The cost for these proceedings will be borne by Kementerian Wilayah?

Datuk Siti Zainab binti Omar: Will be borne by DBKL.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Hah, okey.

Datuk Siti Zainab binti Omar: Because DBKL is a party, dia corporate sole so they can. So, we have recommended and— you know, put up the cost. But, so in that meeting *Shearn Delamore*— those were the advice, that there could be a possible recovery of land for 10 transactions and action to claim for damages for seven transactions. So... [Disampuk]

Tuan Wong Kah Woh: Sorry again. Possible recovery for 10?

Datuk Siti Zainab binti Omar: Of land for 10 transactions and...

Tuan Wong Kah Woh: Okey.

Datuk Siti Zainab binti Omar: ...Action to claim for damages for seven transactions.

Tuan Pengerusi: But you haven't received on three matters yang daripada...

Datuk Siti Zainab binti Omar: No. We haven't.

Tuan Wong Kah Woh: Because that three matters *Shearn* is having conflict of interest, right?

Datuk Siti Zainab binti Omar: Yes. That's right.

Tuan Wong Kah Woh: So, so far under *Shearn* there are 10 transactions they advised there's a possible recovery and the other seven will be action for claim for damages.

Datuk Siti Zainab binti Omar: Yes. So, in that meeting Peguam Negara telah mengarahkan supaya *Shearn Delamore* untuk menyediakan penyata tuntutan. The statement of claim— for him to see. We need to see and also to negotiate with the DBKL on the cost. The fees.

Tuan Wong Kah Woh: *So, actually instruction was given to prepare the statement of claim?*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *A draft.*

Tuan Wong Kah Woh: *Draf?*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *A draft statement of claim.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *You mentioned that the other three cases involving Sreenevasan and Young you didn't get any input, feedback. What does that mean exactly? Meaning DBKL did not provide you any updates?*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *Right, because— what happened was the lawyers that AG recommended was from Shearn Delamore. So, he has set up another firm. So, because Shearn Delamore will not be conflicted. So that's why we have to ask the other lawyer. But— kita tidak sempat buat ya. Sebab saya tidak habis cerita lagi. [Ketawa] Selepas kita meeting itu, kita meeting tadi saya beritahu 28 Januari. Akan tetapi pada 31 Januari, DBKL telah mengarahkan Shearn Delamore sebab Shearn Delamore telah memberi dia punya tuntutanlah, fees dia and all that. Akan tetapi pada 31 Januari, Shearn Delamore telah diminta untuk menanggungkan semua tugasannya berkenaan kes-kes yang melibatkan kajian di bawah Shearn Delamore dan selepas itu — walaupun demikian, Shearn masih beri kita the draft just for us to see and after that we did not proceed because we were waiting for instruction from DBKL.*

■1040

Tuan Wong Kah Woh: *What was the reason given by DBKL to ask Shearn not to proceed?*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *The reason given is just for them to get instruction from Menteri.*

Tuan Wong Chen: *Basically pending instruction from the Menteri lah?*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *Pending instruction. And we as lawyers we do not proceed until we get instructions.*

Tuan Pengerusi: *So, meaning until now DBKL has not received any instruction from the Minister.*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *We do not know about that. As far as we know we have not been given any instructions to proceed or otherwise.*

Tuan Pengerusi: *Because they said that they cannot proceed because the Minister has not given them any instruction.*

Tuan Wong Kah Woh: *Of course as far as AGC is concerned, Shearn Delamore cannot proceed without the instruction from DBKL?*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *Exactly.*

Tuan Wong Kah Woh: *You are not sure whether DBKL has instruction from Yang Berhormat Menteri or not, correct?*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *Yes.*

Tuan Wong Kah Woh: *Okay.*

Tuan Wong Chen: *Are you aware whether these 20 cases had been settled? Do you know any status from this or is it just still pending?*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *We are not aware Yang Berhormat.*

Tuan Wong Chen: *You have no information? So, you cannot confirm or not confirmed that out of these 20, some had been settled or not?*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *We do not know of any settlement. We only know the legal position. The status of that is all the transaction has already been done even before this review.*

Tuan Pengerusi: *Yes.*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *So, there was already sale and purchase agreements, all executed. So, the only issue is whether we want to revisit, we want to review or we want to recover back the lands. So, that is the issue. So, status quo remains as far as we are concerned.*

Tuan Wong Chen: *Is it possible for you to supply us a short written document on the status of all these cases? It is because what we want to do is we want to match this and probably call the Minister back again to explain of these 20 which has he settled because he did testify that he's settled a lot of the cases. I don't know about these 20 because we have no idea which 20 are involved.*

Datuk Siti Zainab binti Omar: *As far as we know, these 20 he has not touched, he has not done any negotiation...*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Sorry, Chairwoman also Yang Berhormat Wong Chen. To be fair, the Minister did give us a list. If I'm not mistaken, he also stated the 20 was not settled as yet but the murky or the confusing part was the AGC punya feedback which led to today's proceeding.*

So, I think when Yang Berhormat Subang asked, it's really important because there will be sort of no detailed wise what can be done for all the different cases in term of the 20 land transactions. So, it would be very helpful.

Datuk Siti Zainab binti Omar: *I think the decision whether to proceed or otherwise to, will lie with the ministry and also DBKL. So, for us legal we cannot proceed to do anything until we receive those instructions.*

Like I told you, we do have the draft statement of claim that Shearn Delamore provided us. But of course, we still need to refine those and we need to verify whether— with all the documents from DBKL. So, if there is no instruction to proceed, we can't do anything on it.

Tuan Wong Chen: *Can I bring your back— sorry, Yang Berhormat Jasin you go first.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]: *Ya, Datuk. This is my first time because I was away masa first proceeding. I just want to ask you whether is it a requirement that we need to get the approval from the AG's Office on land transaction be it land sale or usaha sama or anything. Is it any requirement?*

